

06/09/1999

Kampung Baru perlu dimaju segera

Fadzil Aziz

KUALA LUMPUR, Ahad - Pembangunan Kampung Baru perlu dilakukan dengan segera dan lebih menyeluruh bagi memastikan kawasan itu tidak terus dipinggirkan daripada arus perdana.

Serentak itu, kerajaan pusat diminta mengenalpasti kawasan baru seluas kira-kira 160 hektar berhampiran Putrajaya bagi menempatkan penduduk yang terpaksa berpindah.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Dr Suleiman Mohamed, berkata cadangan itu dikemukakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, selepas pertemuan khas dengan Jawatankuasa Penduduk Kampung Baru, di sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah melawat kampung Baru hari ini.

Ketibaan Seri Paduka berdua di Kelab Sultan Sulaiman pada jam 10 pagi, disambut ribuan penduduk kampung dan Ahli Parlimen Titiwangsa yang juga Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Dr Suleiman Mohamed.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff.

Selepas mendengar taklimat mengenai kelab itu, baginda dibawa melawat ke rumah nombor 28, Jalan Raja Muda Musa yang dahulunya pernah menjadi tempat baginda bermain. Baginda sempat beramah mesra penghuni rumah itu, Sutiah Ahmad, 70, dan penduduk lain sebelum dibawa melawat sekitar Kampung Baru.

Baginda berdua kemudian dibawa melawat ke bangunan Naza Motor Trading Sdn Bhd bagi mendengar talimat berhubung aspek komersial di Kampung Baru.

Kampung Baru yang meliputi kawasan seluas 88 hektar di bahagian utara Kuala Lumpur itu, asalnya dihadiahkan oleh nenda baginda iaitu Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah kepada penduduk sebagai Tanah Pertanian Melayu pada 1890.

Baginda berdua juga berkenan menyampaikan bantuan 16 unit komputer kepada Sekolah Menengah Puteri Wilayah Persekutuan melalui program celik komputer anjuran Multimedia Interactive Television (MITV) Sdn Bhd.

Sultan Salahuddin mengangkat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11 pada 26 April lalu bagi menggantikan Tuanku Ja'far dari Negeri Sembilan.

Acara lawatan rasmi Seri Paduka diakhiri dengan Perasmian Dataran Sultan Sulaiman yang menyediakan pelbagai gelanggang untuk penduduk Kampung Baru selain majlis makan tengah hari bersama rakyat.

Sementara itu, Dr Suleiman berkata, Seri Paduka sudah mencadangkan perkara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

"Cadangan itu perlu dilakukan segera bagi memastikan projek pembangunan semula kampung tradisional Melayu di tengah ibu kota itu berjalan lancar," katanya.

Dr Suleiman berkata, kebanyakan penduduk Kampung Baru menghadapi konflik pertindihan hak dengan kebanyakan tanah dimiliki secara bertindih oleh ramai waris dan sukar mencapai kata sepakat.

Katanya lagi, masalah ini menyebabkan pelan pembangunan fasa pertama pada 1993 gagal dilaksanakan.

"Masalah ini turut berlaku di beberapa kampung Melayu lain seperti Kampung Abdullah Hukum, Sungai Penchala, Bukit Lanjan dan Kampung Pandan," katanya.

Bagi mengatasi masalah itu, sebuah jawatankuasa khas sudah ditubuhkan bagi meneliti pembangunan dan menilai semula kedudukan pembelian tanah di kawasan terbabit.

Sekiranya dipersetujui pemilik, tanah seluas 88 hektar itu akan diuruskan oleh Amanah Raya Berhad, syarikat pemegang amanah utama negara, sebelum sebarang penjualan dan pembangunan tanah dilaksanakan.

"Jika penduduk Kampung Baru bersetuju berpindah, beberapa ciri-ciri unik kampung termasuk nama jalan dan masjid dikekalkan di tapak baru," katanya.

Katanya lagi, cadangan perpindahan itu juga dijangka dapat menyelesaikan perselisihan dan konflik antara pemegang tanah di kampung itu.

(END)